



**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR
KALI KE 13 BIL 13 TAHUN 2021**

**PENAWARAN PENGINAPAN PELAJAR DI RESIDEN PELAJAR BAGI SESI
AKADEMIK 2021/2022**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Pelajar yang dikasihi,

1. Merujuk kepada Pekeliling Hal Ehwal Pelajar UMP Bilangan 1 Tahun 2021 berkenaan mewajibkan pelajar pra siswazah Universiti Malaysia Pahang pengajian Tahun 1 dan Tahun 2 menginap di Residen Pelajar dan baki kekosongan akan diisi oleh pelajar Tahun 3 dan Tahun 4 termasuk pelajar kategori laluan khas.
2. Residen Pelajar telah menghantar pemakluman awal penawaran Residen Pelajar melalui emel rasmi pelajar bertarikh 28 Julai 2021 untuk persediaan awal pelajar **SEKIRANYA** pihak universiti memaklumkan kampus Universiti beroperasi sepenuhnya seperti biasa pada sesi akan datang.
3. Keputusan berkaitan kemasukan semula ke kampus adalah merujuk kepada pemakluman rasmi UMP yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa tertakluk kepada arahan terkini daripada pihak kerajaan, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).
4. Bagi pelajar yang berhasrat untuk menolak tawaran menduduki Residen Pelajar pada sesi akan datang disebabkan oleh beberapa perkara tertentu (justifikasi kukuh) **PERLU** membuat penolakan Residen Pelajar secara rasmi melalui sistem *e-comm > hostel exemption > confirmation* bermula 28 Julai hingga 1 Ogos 2021. Saudara/i juga perlu memuatnaik dokumen sokongan untuk menyokong permohonan yang dibuat bagi tujuan pertimbangan dan kelulusan pihak JHEP dan Residen Pelajar. Keputusan permohonan untuk tidak tinggal di Residen

Pelajar akan dimaklumkan secara rasmi menerusi emel pelajar. Hanya pelajar yang diluluskan permohonan mereka dibenarkan untuk tinggal di luar kampus.

5. Sistem permohonan pemilihan rakan sebilik akan mula dibuka pada 5 hingga 8 Ogos 2021. Sistem pemilihan rakan sebilik akan ditutup pada 8 Ogos 2021 jam 5.00 petang. Semua pelajar dimohon untuk sentiasa peka terhadap pemakluman rasmi yang dikeluarkan oleh pihak Residen Pelajar dan Universiti dari semasa ke semasa.
6. Bersama pemakluman ini juga dilampirkan *Frequently Ask Question (FAQ)* berkaitan untuk makluman pelajar.
7. Bagi pelajar yang tidak ditawarkan Residen Pelajar boleh melayari portal rumah sewa siswa yang telah dibangunkan KPT untuk mencari rumah sewa yang kosong di kawasan berhampiran kampus. Sila layari portal rumah sewa siswa seperti berikut. <https://rumahsiswa.mohe.gov.my>
8. Sebarang pertanyaan sila hubungi pejabat Residen Pelajar menerusi emel residen@ump.edu.my. Sebarang pertanyaan berhubung urusan akademik sila hubungi Pusat Pengurusan Akademik seperti berikut Kampus Gambang (09-549 2550) dan UMP Pekan (09-424 5252) atau melalui emel ppa@ump.edu.my

Sekian. Terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

“Memasyarakatkan Teknologi”

Saya yang menjalankan amanah. ^



PROF MADYA DR MANSOR BIN SULAIMAN

Dekan Perkhidmatan Pelajar

Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Tarikh: 28 Julai 2021

FAQ Berkaitan Tawaran Penempatan Residen Pelajar Bagi Sesi 2021/2022

- 1. Adakah kampus beroperasi seperti biasa bermula sesi akademik 2021/2022?**
Buat masa ini pihak Universiti masih tertakluk kepada arahan kerajaan dan KPT. Universiti akan mengeluarkan pemakluman rasmi berkenaan kemasukan pelajar ke dalam kampus. Pelajar dimohon peka dengan pemakluman rasmi yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.
- 2. Kalau saya menolak tawaran Residen Pelajar, dan tiba-tiba UMP memanggil pelajar untuk kembali ke kampus, adakah tawaran ini masih terpakai?**
Tawaran tersebut akan terbatal apabila pelajar membuat penolakan tawaran Residen Pelajar.
- 3. Surat sokongan untuk tolak penawaran Residen Pelajar perlu sertakan apa-apa dokumen penting atau hanya sertakan sebab penolakan sahaja?**
Pelajar perlu mengemukakan sebarang dokumen berkaitan bagi tujuan menyokong permohonan yang dibuat bagi pertimbangan pihak JHEP dan Residen Pelajar untuk kelulusan
- 4. Jika tawaran Residen Pelajar diterima, tetapi semester hadapan sesi PdP masih secara atas talian, adakah yuran Residen Pelajar masih perlu dibayar?**
Yuran Residen Pelajar hanya dikenakan apabila pelajar mendaftar masuk di Residen Pelajar. Selagi pelajar tidak mendaftar masuk, yuran Residen Pelajar tidak dikenakan walaupun pelajar telah membuat penerimaan tawaran Residen Pelajar.
- 5. Sekiranya saya menolak tawaran Residen Pelajar untuk sesi hadapan, tetapi bila masuk semester hadapan ada keperluan untuk menginap di Residen Pelajar, adakah saya dipertimbangkan untuk menginap?**
Tawaran Residen Pelajar pelajar akan terbatal. Pelajar perlu mengemukakan semula permohonan dan tertakluk kepada kekosongan.
- 6. Pelajar yang telah ditawarkan ini adakah masih perlu membuat permohonan asrama melalui *e-community* pelajar?**
Tidak perlu. Sistem akan membuat permohonan bagi pihak pelajar. Hanya pelajar yang menolak tawaran perlu membuat permohonan melalui *e-community* pelajar
- 7. Saya merupakan pelajar beruniform di kampus Pekan, mengapakah saya tidak menerima emel pemakluman berkenaan tawaran Residen Pelajar seperti rakan uniform saya di Gambang?**
Tiada penerimaan emel bermakna anda tidak mendapat tempat di Residen Pelajar. Ini disebabkan tawaran Residen Pelajar untuk pelajar beruniform yang merupakan sebahagian daripada kategori laluan khas adalah berdasarkan kapasiti dan kekosongan.

8. Saya merupakan pelajar UMP Pekan. Adakah saya dibenarkan memilih blok, no bilik/rumah dan Residen Pelajar 5 untuk semester akan datang?

Pelajar tidak boleh memilih blok kediaman/no bilik/no rumah dan juga Residen Pelajar. Pemberian blok, no bilik akan ditentukan secara automatik oleh sistem Residen Pelajar.

9. Bagaimana untuk saya menghubungi pihak Residen Pelajar?

Sebarang pertanyaan sila emel kepada kepada residen@ump.edu.my